

PRAKTIS UPSR 9

UPSR SISTEM BAHASA

Praktis I

Pilih jawapan yang *paling sesuai*.

1. Kita dapat menghidu bau dengan menggunakan organ deria seperti hidung.

Pilih perkataan **sinonim** bagi menghidu.

- A** mencium
B mengesan
C menyedut
D menghirup

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.



2. Pesakit itu berjaya disembuhkan dengan bantuan mesin rawatan yang canggih.

Pilih perkataan **sinonim** bagi disembuhkan.

- A** dirawat
B dipulihkan
C dihidupkan
D diselamatkan

3. Sekumpulan ahli sains telah dihantar ke kawasan gunung berapi itu untuk menjalankan penyelidikan tentang letusan gunung berapi.

Pilih perkataan **sinonim** bagi penyelidikan.

- A** ujian
B kajian
C latihan
D pemeriksaan

Kertas Pemahaman (Bahagian A: Soalan 1 – 20 dan Bahagian B: Soalan 21 – 25)



Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah ini.



4. Kita akan cepat berpeluh apabila berjalan di bawah cahaya matahari yang terik.

Pilih perkataan **antonim** bagi terik.

- A** malap
B dingin
C panas
D lembut

5. Aina sentiasa berwaspada ketika menggunakan peralatan elektrik seperti seterika.

Pilih perkataan **antonim** bagi berwaspada.

- A** leka
B yakin
C gugup
D malang

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah ini.



6. Air akan membeku menjadi ais pada suhu 0° Celcius.

Pilih perkataan **antonim** bagi membeku.

- A** meruap
B mencair
C membuih
D mendidih

Praktis 2

Pilih ayat yang **betul**. **KLON UPSR 2017, 2018, 2019**

- I Kedua murid itu mendapat markah yang sama dalam ujian Sains.
 - II Para pengunjung terhibur ketika menyaksikan pertunjukan sains itu.
 - III Alat pendingin hawa itu berfungsi dengan baik setelah dibaiki.
 - IV Pakaian kotor itu Puan Anis cuci dengan menggunakan mesin basuh.
- A** I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV
- A** Pesakit itu dibawa ke hospital dengan menaiki ambulans.
 - B** Pekerja kilang elektronik itu kebanyakannya terdiri dari pekerja asing.
 - C** Tumbuhan yang menumpang dengan pohon itu adalah pokok dedalu.
 - D** Encik Nasron memelihara tumbuhan akuatik itu di dalam mini akuariumnya.

Praktis 3

Tulis **BETUL** atau **SALAH** pada ruang yang disediakan bagi penggunaan perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini. **KLON UPSR 2019**

- (i) Manusia dan haiwan memerlukan makanan untuk hidup dan membesar. 
- (ii) Bumi dan planet lain dalam Sistem Suria beredar mengikut orbit masing-masing dikelilingi matahari. 
- (iii) Mikroskop amat berguna kerana dapat memperbesarkan imej objek yang kecil dan halus. 
- (iv) Azmida melayari Internet untuk mendapatkan maklumat tentang daya tarikan graviti. 

Praktis 4

Pilih simpulan bahasa yang paling sesuai untuk diisikan pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini. **KLON UPSR 2019**

lintah darat

cari akal

lipas kudung

otak cair

- (i) Murid yang  itu berjaya memenangi Kuiz Bijak Sains yang dianjurkan di sekolah.
- (ii) Mereka bekerja seperti  kerana mahu menyiapkan projek sains itu pada masa yang ditetapkan.